

# BRISK WALK – GEOTAPAK TANJUNG LAYANG-LAYANGAN, ANJURAN KELAB PENDIDIKAN



**Labuan, 28 Jan 2024** – Seramai 50 warga Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) menyertai Brisk Walk- Geotapak Tanjung Layang-Layangan anjuran Kelab Pendidikan (KelPen), JPWPL bermula jam 7.00 pagi tadi.

Brisk walk iaitu berjalan menyusuri pantai Tanjung Layang-layangan ini merupakan aktiviti kedua yang dianjurkan KelPen sesi 2024/2025 selepas Hari Keluarga. Aktiviti pagi tadi dimulai dengan taklimat ringkas dari geoguide berpengalaman, Encik Nazli Ho Abdullah dan sesi pemanasan badan.

Menurutnya, Geopark Labuan terdapat tiga tapak iaitu Geotapak, Biotapak dan Tapak Budaya. Di Geotapak Tanjung Layang-Layangan terdapat Lapisan Silang, Lanskap Hakisan Pantai dan Gerbang Laut yang terbina 15 juta tahun

dahulu.

Geopark Labuan telah diiktiraf sebagai Geopark Kebangsaan yang baharu pada 16 Disember 2021 semasa Mesyuarat Jawatankuasa Geopark Kebangsaan Bilangan 1 Tahun 2021. Sekaligus menjadikan Geopark berkenaan satu lagi produk pelancongan yang bakal menarik pengunjung ke Labuan.

Geopark Kebangsaan Labuan yang berkeluasan 402 kilometer persegi memaparkan evolusi endapan batuan dan landskap yang membentuk Pulau Labuan serta tapak-tapak biologi.

Aktiviti pada pagi tadi berakhir dengan sesi penyampaian hadiah oleh Pengerusi KelPen Puan Suriani Alland Rice Onxley kepada 5 orang pemenang kuiz geopark iaitu Encik Jurukan Jinseng, Puan Evionna Sambai, Datin Hanijah, Puan Julynah Wali dan Puan Kamariah Salim serta penyampaian Sijil Penghargaan kepada geoguide.

**Berita Oleh : Kelab Pendidikan JPWPL**









Penyampaian sijil penghargaan oleh Puan Suriani kepada geoguide



Peserta bergambar di hadapan singkapan jujukan batu pasir belait yang berusia 15 juta hingga 5 juta tahun yang membentuk sebahagian daripada landskap berpandangan indah di kawasan geotapak Tanjung Layang-Layangan Labuan